

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

---

From: Welcome Centre  
Sent: Wednesday, 19 April, 2017 3:35 PM  
To: UUM - All Staff; UUM - All Students  
Subject: SARAWAK: BESAR MANDAT DIBAWA UNIMAS



19 APRIL 2017 / 22 REJAB 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi  
Gambar oleh: Anjung Tamu

**SARAWAK: BESAR MANDAT DIBAWA UNIMAS**



**ANJUNG TAMU ONLINE:** Terciptalah suatu sejarah, wujudmu di persada negara, di Bumi Kenyalang bertuah UNIMAS Gemilang, menurut lagu yang dicipta khas untuk UNIMAS.

Berinovasi dan berwawasan sudah semestinya bagi tiga delegasi dari Sarawak yang bertandang ke UUM di rimba hijau yang membawa mandat untuk menimba ilmu pengurusan.

Selain, lawatan penanda aras, objektif mereka berkisar kepada tadbir urus Jabatan Canselori, Perpustakaan Sultanah Bahiyah, Muzium Pengurusan serta Welcome Centre merupakan lokasi pertama.

Pengarah Pejabat Canselori dan Hubungan Antarabangsa UNIMAS, Abang Ekhsan Abang Othman yang mengetuai delegasi berkata,

“Anjung Tamu begitu menarik”

“Diharapkan kami di UNIMAS dapat juga membina Anjung Tamu UNIMAS!”.

Seterusnya sebaik selesai memperolehi maklumat tentang Discover UUM di Welcome Centre, delegasi melawat pula Galeri UUM, Muzium Pengurusan serta sekitar kampus.

Itinerari yang padat ini disusun atur oleh Unit Komunikasi Korporat, Jabatan Canselori bagi memastikan promosi terus terkesan kepada delegasi.

Hadir sama, Ketua Pustakawan, Perpustakaan Sultanah Bahiyah, Salleh Hudin Mustaffa, Pengarah Unit Komunikasi Korporat, Jabatan Canselori, Azahari Azmi, Pengarah Muzium Pengurusan, Dr. Mohd. Kasri Saidon serta Ketua Penolong Pendaftar, Jabatan Hal Ehwal Akademik, Shahidan Shafie.

Berilmu berpandangan jauh, inilah hasrat dan harapan UNIMAS bagi menjalin kerjasama dengan UUM.

Dalam pada itu, Penolong Pendaftar Kanan Pejabat Canselori dan Hubungan Antarabangsa UNIMAS, Kartika Barmawi menitip ucapan terima kasih kepada Jabatan Canselori antaranya,

“Kami mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan di atas sambutan dan kesudian menerima kunjungan daripada pihak kami”

“Pihak kami amat berbesar hati di atas segala perkongsian ilmu yang sangat berguna kepada pihak kami untuk dimanfaatkan sepenuhnya”.

“Semoga kerjasama akan berkekalan, terima kasih daun keladi dan semoga hubungan diertatkan lagi”.

=====

DARIPADA:  
ANJUNG TAMU  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
CANSELORI  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)  
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098  
FAKS: 04-928 3095  
E-MEL: [welcome\\_centre@uum.edu.my](mailto:welcome_centre@uum.edu.my)





Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.